

**TEKS UCAPAN**

YBHG. PROF.DATUK DR. D. KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROGRAM KEUSAHAWANAN COCA COLAKU VIA KPDKKK

ANJURAN: KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN (KPDKKK) BERSAMA COCA-COLA MALAYSIA DENGAN  
KERJASAMA PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN  
(ERDEC), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

14 OKTOBER 2017 | 9.45 PAGI |  
DEWAN KULIAH PUSAT KE -2,UMS

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera, Salam 1 UMS dan Salam Negaraku Malaysia

Yang Berbahagia En. Yahya Bin Sulaiman @ Ag Yahya Ag Tim  
Pengarah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi Dan Kepenggunaan Negeri Sabah,

Yang Berusaha Dr. Bonaventure Boniface  
Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC)

Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan Agensi, Persekutuan & Negeri,  
Dekan-Dekan Fakulti, Ketua-Ketua Jabatan Institusi Pengajian Tinggi Awam &  
Swasta, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Wakil-Wakil Media, Tuan-Tuan, Puan-Puan,  
Sidang Hadirin Yang Dihormati Sekalian

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Taa'la, atas izin-Nya kita berpeluang hadir dalam majlis pada pagi yang indah di bumi Sabah yang bertuah ini.

Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa bersama kita di dalam program keusahawanan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama Coca-Cola Malaysia dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

### **Para Hadirin Sekalian,**

Program Keusahawanan Coca Colaku Via KPDKKK merupakan inisiatif secara NBOS di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan

Kepenggunaan (KPDNKK) bersama Coca-Cola Malaysia dan disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Majlis pelancaran Coca-Colaku via KPDNKK ini telah disempurnakan oleh YB Dato'Seri Hamzah bin Zainuddin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri ,Koperasi dan Kepenggunaan pada 10 April 2017 yang lepas.

Program ini ditujukan khusus kepada semua usahawan/bakal usahawan terutamanya penuntut institusi pengajian tinggi di negara ini untuk mendapatkan latihan dan sokongan dalam bentuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam mengembangkan perniagaan. Program dua (2) hari ini menghimpunkan usahawan PKS dan mahasiswa dalam satu program dimana modul dan pendekatan yang diaplikasikan adalah lebih ringkas, komprehensif dan praktikal. Antara modul-modul yang terdapat di dalam program keusahawanan ini ialah topik-topik khusus tentang kepakaran Coca-Cola termasuk kaedah atau cara untuk memulakan perniagaan, menyimpan rekod perniagaan harian, menguruskan perbelanjaan dan pendapatan,

mengawalselia aliran tunai, penjenamaan dan pemasaran produk. KPDNKK pula akan menyediakan modul dalam aspek peraturan-peraturan perniagaan dan pembiayaan.

Program keusahawanan ini diwujudkan bagi memberi latihan keusahawanan kepada semua yang berminat dari pelbagai peringkat umur di negara ini terutamanya kepada penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi. Program Coca-ColaKu via KPDNKK ini akan menyediakan latihan perniagaan dalam segala aspek asas perniagaan berdasarkan pengalaman perniagaan jenama Coca-Cola manakala KPDNKK pula akan membantu menyediakan peserta yang mempunyai minat untuk menceburi bidang keusahawanan.

Matlamat utama bagi program keusahawanan ini adalah supaya peserta yang telah diberikan latihan ini dapat memulakan perniagaan mereka sendiri secara mikro atau kecil-kecilan. Melalui program kerjasama KPDNKK-Coca Cola ini diharap akan dapat mencapai matlamat untuk membangunkan masyarakat,

mempertingkatkan pendapatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negara ini.

Hasrat ini adalah selari dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membudayakan dan menghasilkan graduan bercirikan keusahawanan. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan oleh urusetia keusahawanan UMS iaitu Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC), bagi memastikan graduan UMS dapat mendalami ciri-ciri keusahawanan. Namun begitu, hasrat ini tidak dapat dicapai tanpa bantuan dan sokongan fakulti, pusat mahupun kerjasama daripada agensi lain. Program pada hari ini merupakan satu inisiatif yang bersifat kerjasama antara agensi atau lebih dikenali sebagai National Blue Ocean Strategy (NBOS). Usaha ini seperti perlu diadakan lebih kerap agar memberi manfaat kepada banyak pihak. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pengajur berserta dengan KPDKKK- Coca Cola 2017. Adalah diharap program seperti ini dapat diadakan setiap tahun. Insyallah.

**Para hadirin dan hadirat sekalian,**

Akhir kata, saya yakin dan percaya pelajar UMS bersama komuniti setempat dapat menmanfaatkan usaha murni dan menjadi usahawan yang berjaya. Sekali lagi saya berterima kasih kepada KPDNKK dan Coca-Cola Malaysia kerana memberi kepercayaan kepada UMS dan ERDEC untuk bersama-sama, menganjurkn Program Keusahawanan Coca Colaku via KPDNKK yang penuh bermakna ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanhirrahim saya merasmikan **PROGRAM KEUSAHAWANAN COCA COLAKU VIA KPDNKK DAN UMS 2017** pada kali ini.

Sekian, terima kasih